



Eksport sektor kayu negara meningkat

Jun 1, 2021 @ 9:08pm



Tiga pasaran utama negara menunjukkan pertumbuhan eksport kayu yang menggalakkan - Foto fail BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jumlah eksport sektor berasaskan kayu meningkat 9.9 peratus kepada RM6.04 bilion pada suku pertama 2021 berbanding tempoh yang sama tahun lalu meskipun negara masih berdepan dengan krisis pandemik, kata Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Muhtar Suhaili, berkata tiga pasaran utama negara ke benua Eropah, Amerika dan Oceania menunjukkan pertumbuhan eksport yang menggalakkan.

Beliau berkata, pasaran eksport ke Eropah mencatat pemulihan yang memberangsangkan dengan jumlah eksport ke pasaran ketiga terbesar itu meningkat 9.9 peratus kepada RM561.2 juta.

"Ini antaranya berikutan peningkatan permintaan produk dan perabot kayu DIY daripada golongan yang bekerja dari rumah dan pembelian yang lebih daripada kebiasaan disebabkan kebimbangan pengimport akan kekurangan bekalan dan kenaikan harga.

"Tiga produk utama ke pasaran terbabit adalah perabot kayu bernilai RM242.9 juta, produk kayu tanggam (RM96.5 juta) dan kayu gergaji (RM73.9 juta)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Muhtar berkata, eksport ke benua Amerika, pasaran terbesar negara melonjak 46.9 peratus kepada RM2.44 bilion.

Beliau berkata, Amerika Syarikat (AS) adalah penyumbang utama di pasaran itu dengan pembelian lebih daripada 60 peratus daripada eksport perabot kayu negara dan meningkat 47.1 peratus kepada RM1.93 bilion.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

"Pertumbuhan positif ini adalah disebabkan pakej rangsangan ekonomi di negara berkenaan bagi mengurangkan beban individu dan perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta pergeseran perdagangan antara AS dengan China yang secara tidak langsung membuka peluang perniagaan kepada negara-negara ASEAN termasuk Malaysia," katanya.

Beliau menambah, eksport ke pasaran Oceania seperti Australia dan New Zealand turut merekodkan peningkatan 19.0 peratus kepada RM297.7 juta.

-BERNAMA

VAKSIN



NASIONAL 2 jam yang lepas

Selangor belanja RM200 juta beli vaksin



NASIONAL 10 jam yang lepas

Kira-kira 18 peratus rakyat dapat manfaat vaksin Sinovac



NASIONAL Jun 1, 2021 @ 8:46pm

PPV IPT akan beri lebih 14,000 vaksin sehari



WILAYAH Jun 1, 2021 @ 2:45pm

Unit bergerak vaksinasi COVID-19 di Padang Terap



NASIONAL Jun 1, 2021 @ 2:22pm

Rundingan semula percepat bekalan vaksin



NASIONAL Mei 31, 2021 @ 3:05pm

Semak alamat di aplikasi MySejahtera - KJ

TRENDING



ASEAN sejam yang lepas

Indonesia henti usaha selamatkan KRI Nanggala



NASIONAL 2 jam yang lepas

COVID-19: Pesakit diminta mengucap syahadah sebelum 'ditidurkan'



KES 2 jam yang lepas

8 lelaki merusuh guna senjata ditahan



KES 5 jam yang lepas

Lelaki dipercayai bunuh jiran didakwa esok



KES 10 jam yang lepas

Padah kongsi berita palsu, suri rumah didenda RM5,000

MYRESIPI



INFOMASI 7 jam yang lepas

Cara Mudah Buat Cendol, Lagi Puas Makan Sendiri



INFOMASI 7 jam yang lepas

Resepi Gulai Darat Ikan Keli Dengan Daun Kesum, Nikmat Macam Makan Dekat Kampung

Disyorkan untuk anda

Recommended by



Invest now \$ 250 in Companies like Netflix and get a...

Smart Invest



Malaysia: New "Lung Cleaning" Device Is Going...

AirPhysio



Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...

Mansion Global



Kuala Lumpur: 2021's SUV Prices Might Surprise...

SUV | Search Ads



New Anti-Mosquito Device Is Taking...

simplediscountfinder.c...



Residents of Kuala Lumpur can Get Unsold cars...

New Cars | Search Ads



How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%

Electricity Saver



A Mansion-Sized Toronto Penthouse With...

Mansion Global